

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA EN. HAMZAH BIN HJ. MOHAMAD
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

BERSEMPENA DENGAN

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JELAJAH RAKAN ALAM
SEKITAR DI BAWAH PROGRAM KOMUNITI PENCEGAHAN &
PEMANTAUAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT SEMPENA
SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA TAHUN 2022 PERINGKAT
NEGERI SARAWAK**

TARIKH:

28 OGOS 2022 (AHAD)

TEMPAT:

RUMAH EDWIN, NANGA SAN, LUBOK ANTU

Salutation

Terima kasih diucapkan kepada pengacara majlis.

1. Yang Berhormat Dr. Hj. Hazland Bin Abang Hipni
Timbalan Menteri Tenaga Dan Kelestarian Alam Sekitar (MEESTy)
2. Yang Berhormat Datuk Dr Malcolm Mussen Anak Lamoh
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan
merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N. 34 Batang Ai
3. Yang Berusaha En. Mohamad Zaihan Bin Hj. Lek
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak
4. Yang Berusaha En. Sirai Daha
Residen Bahagian Sri Aman
5. Yang Berusaha En. Richard Ngumbang
Pegawai Daerah Lubok Antu
6. Yang Berusaha En. Tommy anak Laman, Pemangku Setiausaha
Majlis Daerah Lubok Antu
7. Yang Berusaha En. Manai Anak Jalak
Penghulu
8. Yang Berusaha En. Edwin Anak Joel
Tuai Rumah Panjang Nanga San, Lubok Antu
9. Wakil/Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri
10. Para penduduk Rumah Nanga San, Lubok Antu dan para penduduk rumah
panjang berhampiran
11. Ahli-ahli Majlis (Councillor)
12. Ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua kaum, tua-tuai rumah, JKKK rumah-rumah
panjang berhampiran
13. Pengamal media
14. Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua pada pagi ini kita dapat mengadakan Program Jelajah Rakan Alam Sekitar Di Bawah Program Komuniti Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia Tahun 2022 Peringkat Negeri Sarawak di Rumah Edwin, Nanga San, Lubok Antu pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Hj. Hazland Bin Abang Hipni, Timbalan Menteri Tenaga Dan Kelestarian Alam Sekitar (MEESTy) kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita sekaligus menyempurnakan majlis perasmian pada hari ini.
3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk Dr. Malcolm Mussen Anak Lamoh, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N. 34 Batang Ai kerana sudi untuk melapangkan masa menghadiri majlis perasmian program kita pada hari ini.
4. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada JKKK Rumah Edwin, Nanga San dan semua penduduk di Rumah Nanga San dan rumah-rumah panjang berhampiran di atas kehadiran dan sokongan yang jitu di dalam menjayakan Program Jelajah Rakan Alam Sekitar pada hari ini.

Yang Berhormat Dr, Yang Berhormat Datuk dan Hadirin sekalian,

Program Jelajah Rakan Alam Sekitar (RAS)

5. Program Jelajah Rakan Alam Sekitar (RAS) bertujuan membangunkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di Negeri Sarawak. Rakan Alam Sekitar melibatkan anggota masyarakat secara `hands-on' iaitu menjadi `mata dan telinga' untuk membantu agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar.

Program Komuniti Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut

6. Melalui Program Komuniti Program Komuniti Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut ini juga, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak ingin memberikan pendedahan kepada komuniti berkaitan larangan pembakaran terbuka serta pelaksanaan SOP dan fasiliti tanah gambut dan pemantauan kebakaran di kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah dan kawasan lain yang berisiko terbakar semasa musim panas dan kering. Pembakaran terbuka boleh menyebabkan kemusnahan hutan, kemusnahan habitat haiwan, menjejaskan kesihatan dan seterusnya boleh menyebabkan jerebu dan pemanasan global. Sekiranya pembakaran terbuka dan jerebu berlaku semasa pandemik Covid-19, kedua-duanya boleh meningkatkan risiko bahaya pencemaran udara kepada kesihatan awam. Oleh itu, masyarakat perlu bertindak sebagai penyalur informasi serta bersama-sama menjayakan program yang dijalankan demi kebaikan semua lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Dr, Yang Berhormat Datuk dan Hadirin sekalian,

Pengenalan Kepada Ozon Dan Bahan Pemusnah Ozon

7. Sempena Hari Ozon Sedunia pada tahun ini, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak juga ingin memberi pendedahan mengenai isu-isu penipisan lapisan ozon kepada masyarakat. Lapisan ozon yang berada di atmosfera bumi merupakan lapisan penting bagi melindungi hidupan di muka bumi dari sinaran UV yang boleh memudaratkan. Lapisan Ozon semulajadi meliputi lapisan kira-kira 16km dari permukaan bumi dan lapisan ini memainkan fungsi penting dalam menyerap sinaran ultra ungu (Ultra Violet-UV) yang merbahaya dari matahari. Ia berperanan sebagai lapisan perlindungan (protective shield) kepada segala bentuk kehidupan di bumi supaya kita tidak terdedah secara berlebihan kepada sinaran UV yang boleh menyebabkan penyakit-penyakit seperti barah kulit, sakit mata, melemahkan sistem ketahanan badan di samping membawa kesan negatif kepada rantai makanan. Malangnya lapisan ozon ini semakin menipis dan terancam disebabkan oleh penggunaan secara berlebihan beberapa jenis bahan kimia yang dikenali umum sebagai bahan pemusnah lapisan ozon.

8. Contoh bahan – bahan pemusnah lapisan ozon atau dikenali sebagai Ozone Depleting Substance (ODS) adalah seperti Klorofluorokarbon (CFC), Halon, Karbontetraklorida (CTC), Metil Bromida(MBr), dan Hidroklorofluorokarbon (HCFC). Bahan pendingin ini lazimnya digunakan di dalam alat-alat pendingin hawa di rumah, bangunan dan kenderaan. Bahan-bahan kimia atau ODS tersebut boleh menyebabkan penipisan lapisan ozon apabila ia dilepaskan ke atmosfera sekiranya berlaku kerosakan seperti kebocoran saluran alat-alat pendingin hawa, peti sejuk dan sebagainya. Penggunaan bagi sektor

industri yang menghasilkan bahan ODS yang besar adalah bagi sektor busa (foam) dan juga sektor pertanian.

Yang Berhormat Dr, Yang Berhormat Datuk dan Hadirin sekalian,

Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (BEE)

9. Antara aktiviti lain yang sedang dijalankan sempena sambutan Hari Ozon Sedunia adalah Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (BEE) yang juga sedang diadakan pada hari ini di Ruang Legar Terminal Bus Sri Aman. Program ini mensasarkan komuniti setempat di mana orang ramai digalakkan mengumpul dan menyerahkan BEE kepada syarikat yang telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak untuk diproses dengan baik tanpa mencemarkan alam sekitar.

10. Jika E-waste dibuang tanpa menggunakan kaedah yang mesra alam seperti dibuang ke dalam sungai, ke tapak pelupusan, membakar secara sesuka hati atau diberikan kepada pihak yang tidak sepatutnya, e-waste ini berupaya untuk membahayakan kehidupan, menjejaskan kesihatan kita dan menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar. Oleh itu, hadirin sekalian dinasihatkan membuang e-waste ke saluran pengumpulan yang formal iaitu perlu dihantar kepada pengumpulan e-waste yang berdaftar dengan JAS atau kemudahan pemerolehan kembali yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Hadirin sekalian

PENUTUP

11. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Hj. Hazland Bin Abang Hj. Hipni kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita bagi menyempurnakan majlis perasmian pada hari ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Yang Berhormat Datuk Dr Malcolm Mussen Anak, agensi/jabatan kerajaan persekutuan dan negeri, penduduk Rumah Edwin, Nanga San, pihak media dan semua pihak yang melapangkan masa untuk hadir pada hari ini.

Sekian, Terima kasih.